

DASAR PENJUALAN DAN PEMILIKAN RUMAH KOS RENDAH/KOS SEDERHANA RENDAH

1.0 PENGENALAN

Majlis Mesyuarat Kerajaan pada tahun 1991 melalui Kertas Bil.1066/91 telah meluluskan Dasar Penjualan Rumah Kos Rendah Di Pulau Pinang.

2.0 DASAR PENJUALAN DAN PEMILIKAN RUMAH KOS RENDAH/KOS SEDERHANA RENDAH

2.1 Selaras dengan keputusan tersebut, dasar bagi permohonan penjualan dan pindah milik telah ditetapkan dan masih diamalkan seperti berikut:

- a) Rumah Kerajaan/Penswastaan
 - (i) Tempoh milikan harta telah mencapai atau melebihi 10 tahun bagi penjualan/pindah milik kali pertama dan mencapai atau melebihi 5 tahun bagi penjualan/pindah milik;
 - (ii) Penjual dan Pembali termasuk suami/isteri tidak akan dipertimbangkan lagi untuk apa-apa peruntukan rumah kos rendah atau rumah kos sederhana rendah dimasa depan termasuk rumah sewa; dan
 - (iii) Bakal pembeli mesti berdaftar dengan Bahagian Perumahan dengan mengisi borang PN1 dan memenuhi syarat-syarat permohonan rumah kos rendah.

2.3 Setiap penjualan/pindah milik rumah kos rendah/kos sederhana rendah di Negeri Pulau Pinang perlu melebihi dahulu mendapatkan kebenaran (*consent*) daripada Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang sebelum setiap permohonan tersebut dikemukakan kepada Pejabat Tanah dan Galian untuk kelulusan.

2.4 Tujuan kawalan tersebut diwujudkan dan dilaksanakan adalah untuk mengawal penjualan/pindah milik rumah kos rendah/kos sederhana rendah supaya rumah kos rendah/kos sederhana rendah tidak disalahgunakan atau dijadikan sebagai bahan spekulasi oleh individu-individu yang telah memiliki rumah dan mempunyai pendapatan yang tinggi. Ia juga untuk menjamin dan berkecukupan dapat untuk membeli rumah kos rendah/kos sederhana rendah di Negeri Pulau Pinang.

DASAR PENJUALAN DAN PEMILIKAN RUMAH KOS RENDAH/KOS SEDERHANA RENDAH

Kategori Rumah Mampu Milik (RMM) Pulau Pinang

Jenis	Harga Maksima	Spesifikasi
RMM A	RM 42,000.00	650 k.p
RMM B	RM 72,000.00	700 k.p

Syarat Pemohon:

- i) Warganegara Malaysia
- ii) Berumur 21 tahun ke atas pada tarikh permohonan
- iii) Anak kelahiran Pulau Pinang atau bermastautin di Pulau Pinang
- iv) Pengundi Berdaftar di Pulau Pinang
- v) Bekerja di Pulau Pinang
- vi) Mematuhi had pendapatan yang ditetapkan mengikut jenis rumah
- vii) Bagi permohonan RMM A / RMM B ,pemohon dan pasangan tidak memiliki rumah di mana-mana negeri di Malaysia;